

**JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR****PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010
PERDAGANGAN****3755/1****Kertas 1
Ogos/Sept.
1¼ jam****Satu jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu, A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak


[Lihat halaman sebelah
SULIT

1 Gambar yang manakah berkaitan dengan keperluan sosial berdasarkan Model Hierarki Keperluan Maslow?


A



B




C



D



2 Rajah 1 menunjukkan jenis perusahaan



Rajah 1

Apakah aktiviti pengeluaran berkaitan dengan X?

- A Memproses makanan
- B Merawat pesakit
- C Membuat jambatan
- D Menebang pokok kayu balak

- 3 Pernyataan berikut berkaitan ciri faktor pengeluaran

Ejen yang menggabungkan faktor-faktor pengeluaran dengan cekap

Apakah faktor pengeluaran tersebut?


- A Tanah
 - B Buruh
 - C Modal
 - D Usahawan
- 4 Pernyataan yang manakah menunjukkan pengkhususan mengikut proses?
- A Ahmad mempunyai kemahiran mencipta komputer
 - B Bandar Cyberjaya telah dijadikan bandar telekomunikasi
 - C Kereta Proton Saga disiapkan melalui beberapa pembahagian kerja
 - D Negara Jepun terkenal dengan teknologi kereta
- 5 Antara yang berikut, pekerjaan yang manakah berkaitan dengan bantuan perniagaan?

	Bantuan Perniagaan	Pekerjaan
I	Perbankan	Juruaudit
II	Pergudangan	Jurutera
III	Pengangkutan	Pegawai kastam
IV	Komunikasi	Posmen

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[Lihat halaman sebelah
SULIT

6 Gambar 1 menunjukkan situasi di sebuah kedai.



Gambar 1

Apakah jenis saluran agihan yang sesuai bagi perniagaan tersebut?

- A Pengeluar → Pengguna
- B Pengeluar → Peruncit → Pengguna
- C Pengeluar → Pemborong → Pengguna
- D Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna

7 Pernyataan yang manakah merupakan fungsi peruncit kecil-kecilan kepada pengguna?

- A Menempatkan perniagaan di mana-mana
- B Menjual dalam kuantiti yang diperlukan
- C Memberi kredit kepada semua pengguna
- D Membeli secara pukal untuk kebaikan pengguna

8 Apakah pemborong yang menjual pelbagai jenis barang?

- A Pemborong am
- B Pemborong khusus
- C Pemborong satu barisan
- D Pemborong pesanan berwakil


9 Maklumat berikut berkaitan Puan Suziana

- ★ Puan Suziana telah menulis sepucuk surat kepada Syarikat Indigo Sdn. Bhd.
- ★ Tujuan untuk mengetahui semua produk yang dikeluarkan oleh syarikat tersebut
- ★ Syarikat Indigo Sdn Bhd menghantar dokumen yang diperlukan oleh Puan Suziana

Apakah dokumen yang akan diterima oleh Puan Suziana?

- I Penyata Akaun
 - II Senarai Harga
 - III Surat Jawapan
 - IV Invois
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

10 Maklumat iklan berikut berkaitan dengan sejenis kaedah jualan.

 <p style="text-align: center;">Ansuran Bulanan = RM720</p>	<p style="text-align: center;">Mahukah Anda Miliki Kereta Baru?</p> <p style="text-align: center;">Kini Ada PROMOSI!</p> <p style="text-align: center;">Sempena Pembukaan Showroom Taman Samudra, Batu Caves</p> <p style="text-align: center;">Tempahlah Segera!</p> <hr/> <p>Harga Jualan : RM40 000 Deposit : 10% Tempoh : 5 tahun</p>
---	---

Berapakah kadar faedah yang dikenakan?

- A 4.0 %
- B 8.0 %
- C 8.8 %
- D 9.1 %

[Lihat halaman sebelah
SULIT

11 Antara yang berikut, yang manakah faktor kewujudan perniagaan antarabangsa?

- A Perbezaan dalam penggunaan timbangan
- B Perbezaan dalam penggunaan matawang
- C Perbezaan dalam kecckapan teknologi
- D Perbezaan dalam penggunaan bahasa

12 Antara yang berikut, yang manakah bukan kegiatan entrepot?

- I Eksport nyata
 - II Import nyata
 - III Import tak nyata
 - IV Eksport tak nyata
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


13 Pernyataan berikut berkaitan dokumen pembayaran perniagaan antarabangsa.

Dokumen ini dihantar oleh pengeksport ke bank pengimport yang memberikan kuasa kepada bank untuk menjual barang sekiranya pengimport gagal membayar.


Apakah dokumen tersebut?

- A Bil Perintah Bayar
- B Kredit Berdokumen
- C Surat Cagaran
- D Inden

- 14 Gambar A dan Gambar B menunjukkan produk yang dihasilkan oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS).



Gambar A



Gambar B

Pilih pasangan yang betul?

	Gambar A	Gambar B
A	Industri berasaskan logam	Industri komponen automotif
B	Industri komponen automatif	Industri berasaskan getah
C	Industri berasaskan plastik	Industri berasaskan logam
D	Industri berasaskan sumber	Industri komponen elektrik dan elektronik

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan jalinan antara Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan industri berat.

- Pasaran keluaran terjamin
- Keuntungan yang berterusan kesan permintaan bekalan yang berterusan
- Kemudahan pembiayaan modal pusingan daripada syarikat pembeli

Apakah jalinan tersebut?

- A Subkontrak
 B Rantaian industri
 C Pemasaran bersepadu
 D Pengaturan kontrak khas

- 16 Antara yang berikut, faktor yang manakah perlu dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan?
- I Pengurusan risiko
 - II Kedudukan kewangan
 - III Lokasi strategik
 - IV Jenis perniagaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 17 Gambar 2 menunjukkan sejenis milikan perniagaan



Gambar 2

Apakah kelebihan pemilikan perniagaan tersebut?

- A Menanggung liabiliti tidak terhad
 - B Membayar cukai perseorangan dan cukai syarikat
 - C Maklumat perniagaan dapat disebar kepada umum
 - D Menyebar risiko perniagaan kepada setiap rakan kongsi
- 18 Apakah pulangan yang diperolehi apabila melabur dalam harta tanah?
- A Sewa
 - B Bonus
 - C Faedah
 - D Dividen

19 Pernyataan berikut berkaitan dengan pembelian saham.

Encik Yoong ingin membeli saham Syarikat Husin Berhad yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (Bursa Malaysia).

Siapakah yang patut dihubungi oleh Encik Yoong?

- A Spekulator
- B Remisier
- C Pelabur
- D Ejen

20 Pernyataan berikut berkaitan sejenis pelaburan.

Pengurus dana profesional akan melaburkan wang yang terkumpul dalam pelbagai syarikat berhad

Apakah jenis pelaburan tersebut?

- A Gilts
- B Saham
- C Amanah saham
- D Amanah harta tanah

21 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sebuah bank.

- Ditubuhkan untuk melindungi kebajikan ahli
- Memperolehi modal melalui penjualan syer dan simpanan ahli

Apakah jenis bank tersebut?

- A Bank koperasi
- B Bank saudagar
- C Bank perdagangan
- D Bank badan berkanun


22 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Maju dan Syarikat Jaya.

SYARIKAT MAJU	SYARIKAT JAYA
Syarikat mengarahkan semua pekerjaanya membuka akaun simpanan untuk memudahkan pembayaran gaji.	Syarikat perlu membayar premium insurans dan ansurans sewa beli kenderaan secara berulang

Apakah perkhidmatan bank yang sesuai digunakan ?

	SYARIKAT MAJU	SYARIKAT JAYA
A	Cek jurubank	Draf bank
B	Kad kredit	Overdraf
C	Pindahan Kredit	Arahan Tetap
D	Pindahan Elektronik	Cek

23 Rajah 2 menunjukkan sekeping cek.

		BANK SELAMAT BERHAD Segamat, Johor		Tarikh : 9 Mei 2010
Bayar _____ Ringgit Malaysia _____	Shela binti Amin Dua ribu sahaja	atau pembawa RM2 000.00		
Baik untuk bayaran sebelum 30 Mei 2010				<i>Ali</i>
0 1 0 2 5 6 - 2 5 - 0 2 1 3 4 0 8 0 0 0 5 7 0 9 - 0 1				

Rajah 2

Pernyataan yang manakah benar mengenai cek tersebut?

- A Cek yang tarikh pembayarannya ditunda ke suatu tarikh akan datang
- B Cek yang belum ditulis bayarannya oleh penyuruhbayar
- C Cek yang tempoh masa pembayarannya telah tamat
- D Cek yang diberi jaminan oleh bank penyuruhbayar

24 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi sebuah institusi kewangan lain.

- Menerima simpanan
- Menawarkan pinjaman
- Mengendalikan kegiatan sewa beli

Apakah institusi kewangan tersebut?

- A Syarikat Jaminan Kredit Malaysia
- B Syarikat Pemfaktoran
- C Syarikat Kewangan
- D Syarikat Pajak

25 Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Lee.

Puan Lee menginsuranskan rumahnya termasuk barang kemas daripada risiko kebakaran. Rumahnya telah dimasuki pencuri menyebabkan barang kemasnya hilang. Beliau menuntut ganti rugi daripada syarikat insurans tetapi tuntutananya ditolak.

Apakah prinsip insurans yang tidak dipatuhi oleh Puan Lee?

- A Subrograsi
- B Doktrin sebab hampiran
- C Kepentingan boleh insurans
- D Penuh percaya mutlak

26 Encik Zack diwajibkan mengambil satu jenis insurans semasa menandatangani perjanjian pembelian rumah dengan sebuah bank.

Apakah jenis insurans tersebut?

- A Insurans gadaian
- B Insurans kecurian
- C Insurans kemalangan
- D Insurans jaminan setia

- 27 Antara yang berikut, manakah faktor yang menentukan kadar premium insurans kebakaran?
- A Kerugian dialami
 - B Kedudukan bangunan
 - C Jumlah perlindungan
 - D Jenis perniagaan


- 28 Pernyataan berikut berkaitan dengan eksport Encik Hariri

Nama dan alamat kilang	:	Syarikat Hariri Bhd. Kota Tinggi, Johor
Jenis barang	:	pukul
Negara pengimport	:	Jepun
Tambang pengangkutan	:	tetap

Pilih kombinasi yang benar berkaitan jenis barang dan pengangkutan eksport Encik Hariri?

	Barangan	Jenis pengangkutan
A	Minyak sawit	Kapal kerentan
B	Kayu balak	Kapal kargo khas
C	Getah	Kapal tangki
D	Barang-barang elektrik	Kapal kontena


29 Gambar 3 menunjukkan sejenis perkhidmatan pengangkutan.



Apakah kelebihan menggunakan perkhidmatan pengangkutan tersebut?

- I Kos pengangkutan rendah
 - II Boleh membawa semua jenis barang
 - III Kerja pemunggahan lebih cepat
 - IV Bayaran pelabuhan dikurangkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

30 Rajah 3 berkaitan dengan faktor pemilihan jenis komunikasi



Rajah 3

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Sasaran pasaran	Saiz barang
B	Jarak	Mudah didapati
C	Luas pasaran	Keselesaan
D	Kuantiti barang	Nilai barang

31 Berikut adalah beberapa syarikat kurier.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">➤ Syarikat DHL➤ GD Ekspres➤ City Link Ekspres |
|---|

Apakah kelebihan perkhidmatan tersebut?

- I Penghantaran yang dijamin selamat
 - II Kos yang dikenakan adalah murah
 - III Penggunaan luas termasuk mel biasa
 - IV Cara pengendalian cekap
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

32 Bagaimanakah pergudangan boleh menstabilkan harga barang?

- A Menyimpan barang bermusim
- B Mengeluarkan barang apabila harga rendah
- C Menyelaraskan permintaan dan penawaran
- D Menyimpan barang apabila harga naik

33 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Roti Ria Sdn. Bhd.

SYARIKAT ROTI RIA SDN. BHD.


Bahan mentah untuk pengeluaran roti :

- Tepung gandum berprotin tinggi
- Keju, mentega dan marjerin
- Pelbagai jenis inti jem buah-buahan, kaya, kelapa

Antara yang berikut, gudang manakah yang diperlukan oleh syarikat tersebut?

- I Gudang penyetoran sejuk
- II Gudang pengilang
- III Gudang berbon
- IV Gudang awam
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Maklumat berikut menunjukkan sejenis promosi.



Tunai sahaja
10 - 15 Mei 2010

Waktu Perniagaan 10.00 pagi - 5.00 petang

Apakah jenis promosi tersebut?

- A Publisiti
- B Jualan terus
- C Pengiklanan
- D Promosi jualan

35 Apakah media pengiklanan yang sesuai untuk mempromosikan pusat tuisyen ?

- A Radio
- B Risalah
- C Sampel
- D Skrin besar

36 Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Elektrik Pelangi.

Kedai Elektrik Pelangi yang baru dibuka di Bukit Siput, Segamat ingin mengumumkan hari pembukaan rasmi kedai tersebut dan menjalankan promosi berterusan.

Media pengiklanan yang manakah sesuai digunakan oleh peniaga tersebut?

	Media Hari Pembukaan	Media Promosi Berterusan
A	Orang sandwich	Papan tanda
B	Halaman kuning	Poster
C	Kain rentang	Belon udara
D	Risalah	Lampu neon

37 Apakah fungsi FAMA?

- A Memasarkan hasil pertanian
- B Mengawasi kegiatan pertubuhan peladang
- C Membiayai petani dalam menghasilkan keluaran
- D Menyediakan kedai untuk menjual hasil pertanian

38 Apakah tujuan utama konsumerisme?

- A Melindungi kepentingan dan membela kebajikan pengguna
- B Memperjuangkan alam sekitar yang bersih untuk pengguna
- C Menuntut ganti rugi daripada pada peniaga yang menyeleweng
- D Memperjuangkan hak pengguna untuk menyuarakan pendapat

Bagi soalan 39 dan 40, anda dikhendaki memilih jawapan seperti di dalam jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 39 I Persatuan Pengguna berfungsi menjalankan penyelidikan ke atas barang jualan.
II Persatuan Pengguna memberi ganti rugi kepada pengguna yang ditipu oleh peniaga.
- 40 I Pengangkutan jalan raya lebih cepat untuk perjalanan jauh.
II Pengangkutan jalan raya boleh membuat serahan barang dari pintu ke pintu.

KERTAS SOALAN TAMAT